



ANNIVERSARY



1962 - 2017

NATIONAL UNION OF JOURNALISTS PENINSULAR MALAYSIA  
KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
馬來西亞半島新聞從業員職工會

15 JANUARI, 2018

**Kepada Pengarang Berita Malaysiakini**

**KENYATAAN MEDIA UNTUK EDARAN SEGERA**

**Q1:** Isu gangguan seksual oleh ahli politik terhadap wartawan wanita bukan satu perkara baru di Malaysia. Ia merupakan cabaran besar yang terpaksa dihadapi wartawan wanita sejak dulu lagi. NUJ ingin memberi satu komen adil tanpa muh u menyalahkan mana-mana pihak kerana sudah menjadi lumrah manusia yang lelaki sudah pasti tertarik dengan wanita manakala yang wanita sudah pasti muh u menarik perhatian lelaki yang disukai atau diminatinya. Begitulah juga sebaliknya. Jadi ia bukan satu budaya tetapi satu keperluan naluri kehidupan yang normal. Cuma bagaimana proses ianya berlaku yang membezakan sama ada ia menjadi satu gangguan seksual atau pun tidak.

Dalam konteks wartawan wanita terutama yang cantik, perkara ini mudah berlaku jika kedua-dua pihak tidak bertepuk sebelah tangan. Ia bermaksud atas faktor utk mendapatkan berita. Cuma ia akan terdedah menjadi negatif jika ia melibatkan faktor lain seperti cara wartawan itu berkomunikasi, penampilan wartawan itu ketika menemubual, cara pergaulan dan had-had yang perlu ditetapkan wartawan wanita itu sendiri.

NUJ ingin mencadangkan memandangkan gangguan seksual sudah menjadi sebahagian daripada cabaran wartawan wanita, mereka perlu membuat penampilan diri yang sesuai dan pendirian yang tegas ketika bertugas. Misalnya jangan berpakaian menjolok mata atau terlalu seksi, menolak untuk di temuramah di tempat-tempat yang tidak sepatutnya seperti di kelab malam atau di rumah ahli politik. Wartawan wanita perlu mempunyai integriti yang kuat dan cara yang sesuai untuk mendapat berita.

**Q2:** Untuk dakwaan itu dilaporkan dan disiasat, ia bergantung kepada bagaimana insiden itu berlaku kerana membuktikan wujud gangguan seksual atau tidak adalah amat sukar sama sekali.

Sekiranya wartawan mempunyai bukti yang kukuh seperti rakaman, saksi dan sebagainya, eloklah dibuat laporan polis.

Masalahnya ada mangsa malu untuk membuat laporan polis atau serba salah demi untuk menjaga hubungan baik dengan ahli politik berkenaan. Ada kes tertentu, apabila sudah tiada hubungan dengan ahli politik berkenaan, baru hendak mendedahkannya atau membuat laporan polis. Ia seperti kita mengistilahkan kes rogol ketika hubungan baik dan tidak baik.

**Q3:** Polis sukar bertindak jika tiada laporan dibuat. Hanya sekadar mendedahkan di media itu tidak mencukupi. Apa yang perlu dilakukan wartawan perlu tampil dengan berani bersama-sama bukti yang kukuh. Ini sukar untuk dilakukan ketika ini. Polis juga boleh memainkan peranan dengan memanggil kedua-dua pihak bertemu. Tetapi ingat tiada siapa mahu mengaku salah jika tiada bukti. Bagi ahli politik, NUJ ingin menyarankan agar tidak mengambil kesempatan ke atas wartawan sebaliknya jalanilah hubungan secara profesional dan berintegriti.

Bagi Pihak Ahli Majlis Tertinggi NUJ,



**MOHD. TAUFEK RAZAK**  
Presiden NUJ Malaysia